

13 MAY 1996

DR MAHATHIR TIBA DI TOKYO

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Tokyo pagi ini kerana lawatan kerja selama enam hari.

Ketibaan beliau disambut oleh Duta Malaysia ke Jepun, Datuk H.M. Khatib di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita.

Dr Mahathir akan memulakan program lawatan beliau dengan menyampaikan ucapan peringatan di perhimpunan tahunan Persatuan Teleport Sedunia di Pusat Pameran Antarabangsa Tokyo tengah hari ini.

Majlis perasmian perhimpunan itu akan dihadiri oleh lebih kurang 1,000 peserta termasuk 200 peserta asing daripada syarikat dan agensi terkemuka dalam arena telekomunikasi sedunia.

Perdana Menteri juga akan melawat pameran "Tokyo Business '96" iaitu pameran terbesar di Jepun yang memperagakan peralatan pejabat, teknologi maklumat dan komunikasi.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan dasar mengenai projek Koridor Multi Media Malaysia pada Rabu dan juga di satu lagi persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia pada Jumaat.

Beliau juga dijangka melawat beberapa kilang termasuk Isuzu Motors Ltd di Kanagawa dan Kawasaki Steel Corporation di Chiba semasa berada di sini sebelum berlepas ke Amerika Syarikat (AS) pada 18 Mei untuk lawatan yang serupa. -- BERNAMA

TCL PR